

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
12 FEBRUARI 2019
SELASA



AKHBAR

TAJUK BERITA

M/S

HARIAN METRO

HARGA BARANG KEKAL BERPATUTAN

2



HARIAN METRO

Harga barangan basah selain ayam standard didapati dijual pada harga berpatutan kepada pengguna.

Tinjauan wartawan Harian Metro di Pasar Masai di sini, semalam, mendapati ayam standard dijual pada harga RM7.80 (kg) hingga RM8 (kg) berbanding RM7.50 sekilogram ketika musim perayaan.


Setiap kedai didapati menjual harga ikan berbeza mengikut jenis manakala harga sayur mengikut harga semasa.

Ikan kembung dijual pada harga berbeza iaitu antara RM11 dan RM15 bagi setiap kilogram (kg).

Selain itu, harga sayur dijual pada harga sama antaranya cili merah RM12 (kg), sawi RM5 (kg) dan bayam RM3.80 (kg), manakala telur gred AA dijual pada harga RM13.70 sepapan, gred A (RM13.40), gred B (RM13.20), gred C (12.80), gred D (RM12.10) dan gred F (RM9).

Pekerja gerai ayam yang hanya mahu dikenali seba-

Pasir Gudang 12/ Feb / 2019 - Selasa Perpus & dekan
hm
Harga barang kekal berpatutan



TINJAUAN harga ayam di Pasar Masai, Pasir Gudang.

gai Sanusi, 38, berkata, harga barangan basah terutama ayam mentah bergantung kepada bekalan semasa dan permintaan pengguna.

Katanya, harga ayam ditetapkan pengusaha gerai selain bergantung kepada pembekal yang menghan-

tar bekalan di pasar.

“Pelanggan sentiasa ada. Tidak berkurang atau bertambah. Penduduk tetap datang mendapatkan bekalan di pasar, setiap kali pelanggan mahu ayam kami akan penuh walaupun harga berbeza berbanding kedai lain,” katanya.

